

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

NCIA meterai MoU dengan pengeluar utama getah asli

NCIA meterai MoU dengan pengeluar utama getah asli

Kuala Lumpur: Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) pada Mesyuarat Peringkat Menteri Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) ke-28 menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pengeluar utama getah asli yang diwakili Kementerian Perindustrian, Indonesia (MOI) dan Pihak Berkuasa Getah Thailand (RAOT) untuk mengukuhkan komitmen bagi membangunkan Bandar Getah dalam IMT-GT.

NCIA melalui satu kenyataan berkata, kerjasama itu akan melonjakkan permintaan terhadap getah, seterusnya meningkatkan lagi rantaian nilai industri sambil mempercepatkan pembangunan industri hiliran.

Menurut Ketua Eksekutifnya Mohamad Haris Kader Sultan, sebagai pengurus Pasukan Pelaksanaan Projek Bandar Getah IMT-GT dan Kerjasama Industri Getah,

NCIA komited serta akan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan dan rakan kongsi untuk mewujudkan usaha sama perniagaan subserantau dalam pembuatan produk getah bagi menggalakkan pertumbuhan seimbang dalam industri getah termasuk mengoptimalkan sumber untuk menangani isu-isu yang bersifat silang.

“Untuk tujuan ini, Bandar Getah Kedah (KRC) yang menjadi projek strategik nasional serta Taman Perindustrian Getah khusus yang pertama di Malaysia berada pada kedudukan yang baik dalam ‘Lingkaran Getah’ Malaysia-Thailand untuk melengkapkan pembangunan ekosistem getah yang komprehensif di Asean.

“Pembangunan taman perindustrian itu meliputi kawasan seluas 503.43 hektar dan bersedia menarik pelaburan berpotensi bernilai RM10 bilion serta mewujudkan 15,000 peluang pekerja-

jaan menjelang 2025,” katanya.

NCIA berkata, MoU bertujuan mengukuhkan kerjasama antarabangsa, menggalakkan pertukaran amalan terbaik termasuk perkongsian pengetahuan serta pengetahuan teknologi ke arah pembangunan Bandar Getah bagi mencapai Wawasan IMT-GT 2036.

“Rangkaian Bandar Getah IMT-GT (Sei MangKei Rubber City, Indonesia - Bandar Getah Kedah, Malaysia - Songkhla Rubber City, Thailand) dibangunkan untuk meningkatkan penggunaan produk getah dan rantai bekalan serantau.

“Inisiatif rentas sempadan ini akan menyumbang ke arah mencapai objektif serantau IMT-GT, antaranya meningkatkan perdagangan intra 28 peratus daripada jumlah perdagangan IMT-GT (9.2 peratus pada 2015) selain menambah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK),” katanya.